

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MORDI BIMOL [MAS GADING]

TARIKH : 4 OKTOBER 2021 (ISNIN)

SOALAN NO. 32

TUAN MORDI BIMOL Minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah peruntukan yang disalurkan kepada Hospital Bau sejak 2018 kerana terlalu banyak kekurangan dari segi kemudahan dan alat perubatan bagi memenuhi keperluan hospital dan klinik-klinik kesihatan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sejak tahun 2018, jumlah peruntukan mengurus yang disalurkan oleh Kementerian Kesihatan kepada Hospital Bau adalah sebanyak RM66 juta. Sebanyak **RM99,667.00** telah disalurkan ke Hospital Bau di bawah Peruntukan Pembangunan BP00600 - Naik taraf, Ubahsuai dan Pembaikan dan sebanyak **RM214,800.00** telah disalurkan di bawah BP01100 – Perolehan Peralatan Perubatan, Bukan Perubatan dan Kenderaan.
2. Kementerian Kesihatan juga telah memperuntukkan sebanyak **RM1,021,765** kepada Hospital Bau bagi tahun 2014 hingga 2020 bagi tujuan pembelian peralatan perubatan. Peruntukan ini disalurkan berdasarkan kepada permohonan yang dikemukakan oleh Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) untuk keperluan di hospital.
3. Kementerian kesihatan sentiasa mengkaji keperluan peralatan dari masa ke masa agar perkhidmatan kesihatan setempat tidak terjejas.

Sekian, terima kasih.